

Satu aliran pererat perpaduan

Oleh Seri Intan Othman dan Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Selasa – Sistem pendidikan menggunakan satu bahasa pengantar dikenal pasti sebagai cara paling berkesan bagi mewujudkan perpaduan nasional.

Beberapa tokoh akademik berpendapat, sistem pendidikan juga perlu berteraskan sekolah kebangsaan pada peringkat rendah kerana sekolah pelbagai aliran tidak berkesan dalam menyatupadukan kaum.

Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Datuk Dr Anwar Ali, berkata proses perpaduan nasional perlu dilihat dalam tempoh jangka panjang dengan usaha menerapkannya bermula pada peringkat usia muda.

Jika sejak kecil lagi murid didedahkan dengan perbezaan kaum melalui

Sistem pendidikan perlu berteraskan sekolah kebangsaan pada peringkat rendah kerana sekolah pelbagai aliran tidak berkesan menyatupadukan kaum

pendidikan di sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil, perpaduan tidak mungkin dapat disemai dan ia akan berlarutan hingga ke peringkat pendidikan tinggi.

"Pada masa yang sama, konsep sekolah kebangsaan perlu diperkuatkan dengan mengambil kira kepentingan kaum lain kerana ia amat penting bagi menerapkan perpaduan," katanya ketika dihubungi *Berita Harian* di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Setiausaha Ketua Pemuda Gerakan, Hoo Sav

Ho semalam yang mendakwa berlaku penyelewengan dalam pelaksanaan dasar pendidikan serta layanan tidak setara kepada pelajar sekolah berlainan aliran.

Pandangan Pemuda Gerakan itu turut dikongsi oleh MIC apabila presidennya, Datuk Seri S Samy Vellu menegaskan, pihaknya menolak tanggapan sistem sekolah pelbagai aliran menjadi punca kepupusan perpaduan kaum di negara ini.

LIHAT MUKA 2

Dasar utamakan perpaduan

DARI MUKA 1

Berdasarkan Penyata Razak 1956, Dasar Pendidikan Negara digubal bagi menyatupadukan pelajar semua bangsa dengan menggunakan satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa.

Perenggan 12 Penyata Razak menyatakan:

"Tujuan dasar pelajaran ini ialah bermaksud hendak menyatukan budak-budak daripada semua bangsa dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa pengantar yang besar, walaupun perkara ini tidak dapat dilaksanakan dengan serta-merta melainkan hendaklah diperbuat dengan beransur-ansur."

Dasar berkenaan juga mengutamakan perpaduan negara dan unsur serta nilai perpaduan menjadi teras bagi menjamin kesejahteraan dan kepentingan masyarakat Malaysia pelbagai kaum.

Konsep perpaduan dalam konteks negara ini perlu difahami sebagai

satu prinsip Rukun Negara yang perpaduan mestilah berupaya menangkis semua gejala yang boleh memecahbelahkan rakyat, seperti semangat perkauman yang tebal dan perasaan keadiraan melampau.

Sementara itu, Pensyarah Jabatan Asas Pendidikan UKM, Prof Robiah Sidin, berkata sistem pendidikan sekarang banyak memberi ruang kepada pelajar kerana mereka tidak diwajibkan mengikuti proses pendidikan kebangsaan.

"Mereka boleh belajar di sekolah jenis kebangsaan dan kemudian melanjutkan pelajaran di peringkat menengah dan tinggi swasta, tanpa melalui sekolah kerajaan," katanya.

Beliau berkata, kelemahan sistem pendidikan di sekolah jenis kebangsaan menyebabkan mata pelajaran penting yang dapat mewujudkan proses perpaduan kaum, seperti Sejarah, Sastera dan Pendidikan Moral, tidak didalami

dengan serius.

"Sebenarnya, mata pelajaran ini penting bagi pelajar menghayati kontrak sosial dalam masyarakat dan negara. Disebabkan ia tidak diberi perhatian sewajarnya, proses perpaduan nasional sukar diterapan," katanya.

Pensyarah Fakulti Alam dan Tamadun Melayu UKM, Dr Wan Hashim Wan Teh, berkata perpaduan kaum dapat dilaksanakan dengan berkesan melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan jika ahli politik Melayu bersungguh-sungguh memperjuangkannya.

"Kuasa politik Melayu sama ada kerajaan dan pembangkang perlu utuh dalam memperjuangkan melihat pelaksanaan sistem pendidikan kebangsaan dilaksanakan. Isu satu aliran kebangsaan ini bukan sesuatu yang baru kerana ia sudah sedia ada, tetapi dari segi pelaksanaannya saja tidak serius dan berkesan," katanya.